

PEPERIKSAAN PERCUBAAN 2025

Tingkatan 5

BAHASA MELAYU

Peraturan Pemarkahan

Kertas 2

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

AMARAN

Peraturan pemarkahan ini **SULIT**. Kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan pemarkahan ini tidak boleh dikeluarkan dalam apa-apa bentuk media.

Peraturan pemarkahan ini mengandungi 14 halaman bercetak.

[Lihat halaman sebelah

Markah penuh : 100 markah
BAHAGIAN A : SISTEM DAN APLIKASI BAHASA

Markah penuh **35** markah dibahagikan kepada

Soalan 1: **8** markah

Soalan 2: **6** markah

Soalan 3: **11** markah

Soalan 4: **4** markah

Soalan 5: **6** markah

Perhatian bagi Soalan 1

1. Berikan 1 markah bagi setiap kata nama **kata bantu** yang betul
2. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul dan gramatis dengan menggunakan **kata bantu** tersebut.
3. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda baca dengan betul.
4. Sekiranya beberapa **kata bantu** telah digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat sahaja.
5. **Kata bantu** salah tetapi ayat yang dibina betul, berikan 0 markah.
6. Calon menyalin/meniru keseluruhan ayat daripada petikan atau mana-mana bahagian dalam keseluruhan kertas soalan, berikan 0 markah.
7. **Kata bantu** yang ditambah, digugurkan atau ditukarkan imbuhan, berikan 0 markah.
8. **Kata bantu** digunakan sebagai kata nama khas atau peribahasa, berikan 0 markah.
9. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, berikan 0 markah.
10. Maksud ayat tidak jelas, berikan 0 markah.
11. Tolak 1 markah bagi kesalahan ejaan / jalan bahasa / tanda baca daripada keseluruhan jawapan.

Soalan 1 – Morfologi

(i) telah:

Kata bantu yang menyatakan sesuatu perbuatan sudah berlaku atau sudah berlangsung

Ayat contoh: Saya **telah** mengembalikan buku yang saya pinjam di perpustakaan sekolah minggu yang lalu.

(ii) boleh:

- i. *tidak mustahil untuk melakukan sesuatu*
- ii. *tidak dilarang untuk melakukan sesuatu; diberi izin*

Ayat contoh: Kita **boleh** membawa bekal makanan ketika mendaki Bukit Bonggol kerana pendakian tersebut mengambil masa yang agak panjang.

(iii) akan:

- i. *untuk menyatakan sesuatu kemungkinan (hendak terjadi sesuatu)*
- ii. *untuk menyatakan jangkaan tentang sesuatu (kejadian, perlakuan, perkembangan dsb)*
- iii. *membawa maksud 'adapun, perihal, mengenai, dan tentang'.*

Ayat contoh: Encik Juilis Mokuja **akan** membawa keluarganya pulang ke kampung pada cuti sekolah nanti untuk menghadiri majlis perkahwinan anak buahnya.

(iv) mahu

- i. *suka akan, suka hendak, bersedia akan*
- ii. *hendak*
- iii. *keinginan, tujuan*

Ayat contoh : Reddo **mahu** menziarahi sahabat baiknya yang ditimpa kemalangan jalan raya pada minggu yang lalu.

[Maksimum : 8 markah]

Soalan 2 – Sintaksis [Menggabungkan ayat]

(i)	Air paip mengandungi pelbagai jenis mineral yang diperlukan oleh tubuh badan.	2
(ii)	Pengguna mudah mendapatkan sumber air minuman kerana air paip disalurkan terus ke dalam rumah yang dibekalkan oleh syarikat bekalan air.	2
(iii)	Air paip perlu dididihkan sebelum diminum kerana air paip mungkin dicemari logam berat dan bahan kimia	2

[Maksimum : 6 markah]

Soalan 3 – Penyuntingan**Bahan 1**

Biudata	Biodata
daripada	dari
ilmu	bidang
ugama	agama
akadimik	akademik
seluroh	seluruh

Bahan 2

adalah	ialah
gelobal	global
berupa	merupakan
tekstail	tekstil
terpaling	paling

[Maksimum: 11 markah]

- **Nota: Jawapan tidak semestinya mengikut urutan**
- **Tulis pembedaan tanpa menyenaraikan kesalahan – 0 m**

Panduan pemarkahan menukarkan bahasa Melayu klasik kepada bahasa Melayu standard bagi Soalan 4

Deskripsi	Markah
	4
- Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat gramatis	4
- Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat <i>masih</i> gramatis	3
- Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat <i>kurang</i> gramatis	2
- Isi tidak cukup, mengikut urutan dan ayat gramatis	
- Isi tidak cukup, mengikut urutan dan ayat <i>tidak</i> gramatis	1
- Ayat disalin bulat-bulat	0
- Isi tidak mengikut urutan	0

G -
gugur
K-
kekal
T-tukar

Soalan 4 – Bahasa Melayu Standard

Seri Nara Diraja pun tersenyum. Lalu Tun Nina Madi diberi gelaran oleh Sultan Muzaffar Syah sebagai Tun Bijaya Maha Menteri. Setelah Paduka Raja dan Seri Nara menjadi pembesar, anak Melayu berpecah, iaitu sebahagian berpihak kepada Paduka Raja, sebahagian lagi berpihak kepada Seri Nara Diraja, kerana kedua-duanya keturunan yang baik-baik.

[Maksimum : 4 markah]

Soalan 5 – Peribahasa

- (i) Di mana ada kemahun di situ ada jalan/ Belakang parang kalau diasah lagikan tajam/usaha tangga kejayaan
- (ii) Malu bertanya sesat jalan/ malas mendayung perahu hanyut
- (iii) Sediakan payung sebelum hujan

[Maksimum: 6 markah]

Nota: Jawapan mesti mengikut situasi/urutan.

[Lihat halaman sebelah]

BAHAGIAN B : PEMAHAMAN

Markah penuh **35** markah dibahagikan kepada:

Soalan 6 : **13** markah

Soalan 7 : **12** markah

Soalan 8 : **10** markah

Perhatian bagi soalan 6, 7 dan 8

1. Jawapan hendaklah menggunakan ayat anda sendiri.
2. Jawapan hendaklah dalam ayat yang lengkap / sempurna.
3. Jawapan bagi soalan 8 hendaklah berdasarkan mana-mana novel yang dipelajari.
4. Jika disalin bulat-bulat daripada teks dan jawapan itu betul, berikan separuh (50%) daripada markah yang diperuntukkan sahaja.

Panduan pemarkahan soalan pemahaman**1. Soalan 2 markah : Pemahaman berdasarkan teks**

DESKRIPSI	MARKAH
- Jawapan tepat mengikut konteks / isi cukup / ayat gramatis	2
- Jawapan tepat mengikut konteks / isi cukup / ayat tidak gramatis	1
- Jawapan kurang tepat / isi tidak cukup	
- Jawapan salah	0

2. Soalan 3 markah : Pemahaman berdasarkan teks dan unsur KBAT

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup / menyentuh semua bahan / relevan dengan tugas / ayat gramatis.	3
- Isi cukup / menyentuh semua bahan / relevan dengan tugas / ayat <i>kurang</i> gramatis.	2
- Isi tidak cukup / menyentuh semua bahan / ayat gramatis	
- Isi tidak cukup / tidak menyentuh semua bahan	1
- Jawapan salah	0

3. Soalan 4 markah : Pemahaman unsur KBAT dan novel

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup (3 isi) / relevan dengan tugas / ayat gramatis	4
- Isi cukup (3 isi) / relevan dengan tugas / ayat <i>kurang</i> gramatis	3
- Isi tidak cukup (2 isi) / ayat gramatis	
- Isi tidak cukup (2 isi) / ayat <i>kurang</i> gramatis	2
- Isi tidak cukup (1 isi) / ayat gramatis	
- Isi tidak cukup (1 isi) / ayat <i>kurang</i> gramatis	1
- Jawapan salah	0

Soalan 6

- (i) Berdasarkan **Bahan 3**, dasar yang telah dirangka oleh Kementerian Pendidikan Malaysia untuk memperkasakan teknologi pendidikan:

P1 - Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013- 2025

P2- Program Transformasi Sekolah 2025 (TS25)

Maksimum : 2 markah]

[Isi cukup : 2 isi]

- (ii) **Kelebihan penggunaan Teknologi Pendidikan di sekolah:**

Bahan 1

P1 - membolehkan murid dan guru untuk belajar secara fleksibel sama ada secara bersemuka ataupun secara maya.

Bahan 2

P2 – mencipta pengalaman belajar yang lebih menarik dan efektif dalam kalangan murid.

P3 – pembelajaran interaktif dan mudah alih semasa di dalam kelas.

Bahan 3

P3 – suasana pembelajaran lebih kondusif

P4 – mengubah kaedah guru mengajar di dalam kelas

Nota: Jawapan calon mestilah berdasarkan semua bahan

[Maksimum : 4 markah]

[Isi cukup : 3 isi]

- (iii) **Cabaran-cabaran yang perlu diatasi bagi memastikan teknologi AI dapat dimajukan di negara kita:**

P1 capaian rangkaian Internet yang masih tidak meluas terutamanya di kawasan pedalaman

P2 kos untuk menyediakan kelengkapan perkembangan AI terlalu tinggi/kemudahan masih kurang

P3 tenaga kerja mahir untuk membangunkan teknologi AI masih kurang

P4 kesedaran masyarakat berkaitan AI masing rendah

(Cabaran lain boleh diterima sekiranya sesuai)

[Maksimum : 3 markah]

Isi cukup : 2 isi]

- (i) **Tindakan rakan untuk memastikan rakan fokus akan tugas yang diberikan oleh guru pada masa akan datang:**

P1 memberikan nasihat agar tidak melakukan perkara tersebut pada masa akan datang.

P2 menerangkan kesan negatif sekiranya rakan tidak fokus menyiapkan tugas yang diberikan.

P3 melaporkan sikap rakan tersebut kepada guru mata pelajaran Bahasa Melayu.

P4 memaklumkan kepada ibu bapa rakan supaya mereka tahu tentang perangai anak mereka di sekolah.

(Tindakan lain boleh diterima sekiranya sesuai)

[Maksimum : 4 markah]

[Isi cukup : 3 isi]

[Lihat halaman sebelah

Soalan 7**(i) Sebab Umi memerlukan bantuan Syed Nasullah:**

P1 Tiada sesiapa lagi yang boleh diharapkan

P2 Adik kamu juga tiada siapa lagi yang boleh diharapkan

[Maksimum : 2 markah]

(ii) Nasib yang menimpa Umi:**Bahan 1**

P1 anak pilihan pertamanya meninggalkannya dengan beban hutang

P2 Umi juga terpaksa menanggung risiko muflis yang akan memalukan seluruh keturunan Umi.

Bahan 2

P3 seorang tua yang kesunyian

P4 menderita menanggung sakit seorang diri

P5 mengerang sakit

Nota: Jawapan calon mestilah berdasarkan semua bahan

Tidak menyalin bulat-bulat daripada teks puisi

[Maksimum : 4 markah]

[Isi cukup: 3 isi]

(iii) Punca anak-anak mengabaikan tanggungjawab terhadap ibu:

P1 sibuk dengan urusan masing-masing

P2 terpengaruh dengan hasutan pasangan hidup/rakan-rakan

P3 kekurangan didikan agama

P4 beranggapan ibu boleh hidup berdikari

P5 bertugas di tempat lain/jauh daripada keluarga

(Punca lain boleh diterima sekiranya sesuai)

[Maksimum : 3 markah]

[Isi cukup: 2 isi]

(iv) Cara-cara memastikan ibu bapa tidak berasa sunyi di kampung:

P1 menghubungi ibu bapa setiap hari/telefon/panggilan video/rakaman suara

P2 selalu mengunjungi ibu bapa

P3 membawa ibu bapa melancong

P4 meraikan hadiah istimewa ibu bapa (tarikh perkahwinan/hari jadi)

P5 menggajikan pembantu rumah

(Cara lain boleh diterima sekiranya sesuai)

[Maksimum : 4 markah]

[Isi cukup: 3 isi]

[Lihat halaman sebelah]



Soalan 8

(i)

	Sebab Aqram mengambil masa begitu lama untuk menjejaki Farisha:	
P1	Farisha sudah berpindah rumah beberapa kali	1
P2	Farisha menukar nombor telefon.	1
P3	Alamat e-mel yang lama tidak aktif	1
P4	Farisha menghapuskan akaun Facebook dan blog peribadi	1

[Maksimum : 4 markah]

[Isi cukup : 3 isi]

Panduan pemarkahan bagi Soalan 8(ii)

(ii) Soalan novel : 6 markah

- (a) Jawapan berdasarkan dua buah novel yang dipelajari.
- (b) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap.
- (c) Beri 1 markah bagi setiap **isi** yang betul (**pernyataan peristiwa**)
- (d) Beri 1 markah bagi **huraian** yang jelas bagi setiap isi.
- (e) Markah isi maksimum 4 markah (2 markah bagi setiap isi dan peristiwa/huraian)
- (f) Markah bahasa maksimum 2 markah, diberi secara kesan menyeluruh
 - Baik : 2 markah
 - Lemah : 1 markah
- (g) Jika calon menjawab dan markah isi kosong, beri 1 markah untuk bahasa.
- (h) Calon tidak menjawab 0 markah.

[Maksimum : 6 markah]

Cadangan jawapan:

Di Sebalik Dinara karya Dayang Noor.**Peristiwa yang dapat dijadikan pengajaran dalam kehidupan pembaca:**

Peristiwa kerjasama dan usaha yang dijalankan oleh Dr Maxi, Aqram dan kakitangan Soft Lab untuk menyelamatkan Dinara daripada musnah. Hal ini disebabkan Karl yang merupakan pengasas Dinara terbaring lumpuh dan mengharap mereka menyelamatkan Dinara – *1 markah*

Huraian:

Melalui peristiwa tersebut, kita hendaklah bekerjasama dalam menyelesaikan sesuatu masalah agar masalah tersebut dapat diselesaikan dengan segera – *1 markah*

Peristiwa yang dapat dijadikan pengajaran dalam kehidupan pembaca:

Peristiwa Azraai sebagai abang kepada Farisha bertindak memasang retinal scanner di apartmen Farisha demi melindungi dirinya daripada sebarang bahaya. Azraai juga berusaha menyelamatkan Farisha daripada diculik oleh orang suruhan Medina iaitu Farid dan Amin – *1 markah*

Huraian:

Berdasarkan peristiwa tersebut, kita hendaklah menyayangi ahli keluarga dan sentiasa mengutamakan keselamatan mereka pada setiap masa – *1 markah*

Silir Daksina karya Nizar Parman.**Peristiwa yang dapat dijadikan pengajaran dalam kehidupan pembaca**

Peristiwa Abdullah bin Kayan tidak pernah melupakan anak tunggalnya, Haiqal Haqimi walaupun sudah tiga tahun berpisah. Dia amat merindui anaknya itu sehinggakan kasih sayang tersebut dicurahkan kepada Ong See Hwa yang sebaya dengan anaknya. Dia juga meninggalkan rumah, tanah, dan wang untuk anaknya itu dengan mengamanahkan Tauke Ong untuk menguruskan hartanya – *1 markah*

Huraian:

Pengajarannya, kita hendaklah mengasihi dan sentiasa menghubungi anak-anak walaupun terpisah jauh – *1 markah*

Peristiwa yang dapat dijadikan pengajaran dalam kehidupan pembaca

Peristiwa Haiqal Haqimi menghormati keputusan ibunya walaupun tidak mengizinkannya menziarahi jenazah ayahnya kerana dia menduduki peperiksaan UPSR pada ketika itu. Sungguhpun dia terlalu berkeinginan melihat jenazah ayahnya untuk kali terakhir, namun dia memilih untuk akur dengan permintaan ibunya – *1 markah*

Huraian:

Pengajarannya, kita hendaklah sentiasa menghormati permintaan atau suruhan ibu bapa supaya tidak melukakan hati dan perasaan mereka.

- Terima peristiwa lain yang sesuai.

[Lihat halaman sebelah

BAHAGIAN C : RUMUSAN**[30 markah]****Soalan 9**

Markah penuh 30 dibahagi kepada:

(a) Isi maksimum - **20 markah**

(b) Bahasa maksimum - **10 markah**

(a) **Isi [20 markah]**

Nota:

(i) Panduan mengira perkataan.

Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan:

- nama khas
- perkataan berganda
- penggunaan kata sendi *di* dan *ke*
- tarikh
- angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
- gelaran
- penanda wacana (Selain itu, Di samping itu)

(ii) Kira dan **tandakan** jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja sebelum diperiksa.

(iii) Periksa jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja, yang selebihnya **tidak perlu diperiksa**.

(iv) Berikan **2 markah** bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.

(v) Calon perlu mengambil **sekurang-kurang 1 isi** daripada setiap fokus dan daripada setiap bahan.

(vi) Jumlah isi maksimum yang diterima daripada **semua fokus** dan **semua bahan** ialah 8 isi sahaja.

Bahagian	Bil. Isi	Bilangan Isi Diterima					Markah Maksimum
Pendahuluan							2
Isi Bahan 1							
Fokus 1 (Langkah-langkah pembudayaan inovasi)	5	5	4	3	2	16	
Isi Bahan 1							
Fokus 2 (Kebaikan-kebaikan budaya inovasi)	2	1	2	2	2		
(iii) Isi Bahan 2							
Fokus 2 (Kebaikan-kebaikan budaya inovasi)	4	1	1	2	2		
(iv)Isi Bahan 3							
Fokus 2 (Kebaikan-kebaikan budaya inovasi)	3	1	1	1	2		
Jumlah Isi	14	8	8	8	8		
(iv) Penutup/Kesimpulan							2
JUMLAH							20

(b) Bahasa [10 markah]

Asas pemberian markah bahasa tidak bergantung kepada markah isi tetapi dinilai secara holistik.

PERINGKAT	MARKAH BAHASA	KRITERIA
Cemerlang	8 – 10 markah	• Kesenambungan ayat <i>sangat</i> baik • Bahasa <i>sangat</i> gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan rumi baharu • Penggunaan kosa kata luas dan tepat • Pengolahan <i>sangat</i> menarik dan berkesan
Baik	5 – 7 markah	• Kesenambungan ayat baik • Bahasa <i>masih</i> gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan rumi baharu • Penggunaan kosa kata <i>masih</i> luas dan tepat • Pengolahan <i>masih</i> menarik dan berkesan
Sederhana	3 – 4 markah	• Kesenambungan ayat <i>kurang</i> baik • Bahasa <i>kurang</i> gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan rumi baharu • Penggunaan kosa kata <i>kurang</i> luas dan tepat • Pengolahan <i>kurang</i> menarik dan berkesan
Lemah	1 – 2 markah	• Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan / tidak memuaskan / kurang atau tidak difahami.

Nota:

- Jika menjawab dalam bentuk **poin/fakta** markah bahasa ialah pada **peringkat lemah**.
- Jika markah isi **6 markah dan ke atas**. Markah bahasa dinilai seperti biasa. (rujuk jadual)
- Jika markah isi **5 markah dan ke bawah** tetapi bahasa *sangat baik*, markah maksimum bahasa ialah 5 markah.
- Jika disalin **bulat-bulat** perkataan demi perkataan, ayat demi ayat walaupun jumlah perkataan kurang 120 patah perkataan, beri 0 markah bahasa.
- Jika rumusan kurang daripada 120 patah perkataan, markah bahasa dinilai seperti biasa.

[Maksimum : 10 markah]

[Lihat halaman sebelah]

Pendahuluan [2 markah]**Markah**

P1	Rumusan membincangkan cara-cara / langkah-langkah / usaha-usaha / kaedah-kaedah pembudayaan inovasi dan kepentingan-kepentingan/faedah-faedah/ manfaat-manfaat/ kebaikan-kebaikan/ kelebihan-kelebihan budaya inovasi.	2
P2	Rumusan membincangkan cara-cara / langkah-langkah / usaha-usaha / kaedah-kaedah pembudayaan inovasi.	1
P3	Rumusan kepentingan-kepentingan/faedah-faedah/ manfaat-manfaat/ kebaikan-kebaikan/ kelebihan-kelebihan budaya inovasi.	1
	Nota : jika tidak menyatakan tugas dan tema	0

Isi [16 markah]

FOKUS 1	Langkah-langkah pembudayaan inovasi	
Bahan 1		
A1	Kementerian Pendidikan Malaysia perlu memperluas mata pelajaran yang berteraskan inovasi.	2
A2	guru-guru boleh mencetuskan budaya inovasi ketika sesi pengajaran dan pembelajaran	2
A3	murid perlu diberi pendedahan tentang kaedah saintifik bagi menguji dan menghasilkan sesuatu produk	2
A4	guru boleh mengadakan pertandingan inovasi pada peringkat sekolah untuk mencungkil bakat murid.	2
A5	penggunaan Internet di sekolah harus ditingkatkan	2

FOKUS 2	Kebaikan-kebaikan budaya inovasi	
Bahan 1		
B1	budaya inovasi dapat mendedahkan kemahiran asas sains kepada murid	2
B2	murid mendapat idea baharu	2
Bahan 2		
C1	meningkatkan produktiviti pada masa ini	2
C2	menciptakan kreativiti	2
C3	melahirkan guru inovatif	
C4	guru berinovatif dapat meningkatkan transformasi pendidikan negara. (Guru inovatif melonjakkan Transformasi pendidikan negara)	2
Bahan 3		
D1	dapat melengkapi murid dengan kemahiran alaf baru .	2
D2	inovasi melahirkan murid yang kreatif.	2
D3	guru yang berinovasi dan kreatif mampu menyediakan persekitaran pembelajaran lebih kondusif kepada murid-murid.	2

Kesimpulan [2 markah]**Markah**

K1	Kesimpulannya, pembudayaan inovasi perlulah diamalkan/ dilaksanakan supaya/agar pendidikan negara semakin maju.	2
K2	Kesimpulannya, pembudayaan inovasi perlulah diamalkan/dilaksanakan.	1